

Malaysia pilihan pelabur Jepun

BH-22/5/2007

JMEPA pertingkat kerjasama tujuh bidang

Azmi
Md Deros
di Tokyo, Jepun



PELAKSANAAN Perjanjian Perkongsian Ekonomi Jepun-Malaysia (JMEPA) yang berkuat kuasa sejak 13 Julai 2006 mampu meningkatkan kemasukan pelaburan langsung asing Jepun ke Malaysia.

Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Mohd Radzi Abdul Rahman, berkata berdasarkan maklum balas yang diperolehi daripada pelabur Jepun, masyarakat perniagaan negara itu lebih tertarik untuk meningkatkan pelaburan sejak termeterainya perjanjian berkenaan yang ditandatangani kerajaan kedua-dua negara pada 2005.

"JMEPA sudah menunjukkan tanda positif kepada negara, khususnya dalam bidang pelaburan langsung asing syarikat Jepun ke Malaysia.

"Banyak pelabur Jepun mendapati iklim pelaburan di Malaysia menjadi bertambah menarik dan positif, selain menguntungkan syarikat mereka," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, semalam.

Mohd Radzi berkata, pelaksanaan JMEPA akan menambahkan lagi ke-

yakinan syarikat Jepun, sama ada yang sedia ada atau syarikat baru untuk terus melabur di Malaysia.

Katanya, banyak syarikat Jepun di Malaysia yang mampu bertahan sehingga 30 atau 40 tahun, sekali gus membuktikan mereka amat yakin dengan iklim pelaburan dan kestabilan politik negara, selain aspek kualiti hidup yang tinggi.

JMEPA adalah perjanjian ketiga seumpamanya bagi Jepun selepas EPA dengan Singapura dan Mexico, dan ia adalah perjanjian dua hala EPA pertama Malaysia.

Jepun dan Malaysia juga bersejua bekerjasama dalam tujuh bi-

dang melalui JMEPA iaitu pertanian, perhutanan, perikanan, dan perladangan; pendidikan dan pembangunan sumber manusia; teknologi maklumat dan komunikasi; sains dan teknologi; perusahaan kecil dan sederhana, pelancongan dan dana alam sekitar.

Sementara itu, Mohd Radzi berkata, lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang tiba di sini malam ini, akan membuka ruang lebih luas meningkatkan kerjasama dengan Jepun.

Dalam lawatan itu, Abdullah dijadual bertemu dengan Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe untuk membincangkan hubungan dua hala, termasuk meneroka bidang kerjasama baru.

Lawatan kerja lima hari Abdullah ke Jepun adalah untuk menghadiri dan menyampaikan ucapan tama pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-13 yang bertajuk 'Masa Depan Asia-Memperdalamkan Kerjasama Bagi Mewujudkan Komuniti Sebenar' anjuran akhbar *Nihon Keizai Shimbun*.

Sementara itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak dapat menghadiri persidangan berkenaan kerana belum sihat sepenuhnya daripada kongesi paru-paru sejak seminggu lalu.

FAKTA NOMBOR

Hubungan ekonomi

RM8.4b

Eksport ke Jepun
Julai - Ogos 2006

RM4.4b

Pelaburan Jepun di Malaysia 2006